

Saya tak fikir PM ada masa untuk menipu - Ismee

Oleh SUWARNI MOKHTAR
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: "Saya tidak fikir ada mana-mana Perdana Menteri yang ada masa untuk menipu."

Kenyataan itu dibuat bekas Pengarah Bukan Eksekutif 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Tan Sri Ismee Ismail ketika ditanya peguam bela, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah pernahkah terlintas di fikiran saksi pendakwaan itu mengenai perkara tersebut.

Muhammad Shafee: Pernahkah terlintas di fikiran awak atau membayangkan bahawa seorang Perdana Menteri akan menipu 1MDB (1Malaysia Development Berhad)?

Ismee: Saya tak fikir akan ada mana-mana Perdana Menteri yang ada masa untuk berbuat demikian.

Beliau berkata demikian ketika disoal balas dalam perbicaraan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang



ISMEE ISMAIL

didakwa atas penyelewengan dana 1MDB berjumlah RM2.3 bilion.

Saksi pendakwaan ke-13 itu juga bersetuju dengan cadangan peguam terbabit bahawa Ahli Lembaga Pengarah 1MDB telah diperdayakan oleh pihak pengurusan kanan syarikat pelaburan itu termasuk bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi.

Pada ketika kejadian, selain Shahrol Azral, pengurusan kanan 1MDB termasuklah bekas peguam syarikat Jasmine Loo Ai Swan dan bekas Ketua Pegawai Kewangan Azmi Tahir; bekas Pengarah Eksekutif Casey Tang Keng Chee.

Muhammad Shafee: Sekiranya pihak pengurusan yang sepatutnya menjaga 1MDB telah memperdayakan Ahli Lembaga Pengarah, ada atau tidak kemungkinan pihak pengurusan yang sama turut memperdayakan Perdana Menteri?

Ismee: Ya.

Muhammad Shafee: Adakah awak tahu apa yang ditaklimatekan oleh pihak pen-

gurusan kepada Ahli Lembaga Pengarah mengenai mengenai pelaburan dalam GDF Suez yang merupakan pengeluar tenaga bebas.

Ismee: Saya tidak tahu.

Muhammad Shafee: Adakah awak tahu apa yang ditaklimatekan oleh pihak pengurusan kepada Perdana Menteri selaku Pengerusi Lembaga Penasihat mengenai pelaburan dalam GDF Suez.

Ismee: Saya tidak tahu.

Muhammad Shafee: Shahrol telah memperdayakan kesemua Ahli Lembaga Pengarah kerana dia bersekongkol dengan Jho Low dan dia merupakan pesalah yang sebenar.

Ismee: Yup.

Tambah saksi itu, dia dan Ahli Lembaga Pengarah juga tidak mempunyai akses untuk mengesahkan taklimat yang diberikan oleh kumpulan pengurusan kanan itu.

Perbicaraan di hadapan Hakim Collin Lawrence Sequerah bersambung hari ini.